

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI
SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah aduan yang telah diterima oleh Kementerian terhadap majikan yang didapati tidak menyalurkan subsidi upah kepada pekerja tempatan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN); dan
- (b) apakah tindakan susulan yang telah dikenakan kepada majikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod yang diterima sehingga 1 Julai 2020 oleh PERKESO, sebanyak 87 kes aduan telah direkodkan di bawah Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) terhadap majikan yang mengingkari terma dan syarat ERP kerana tidak menyalurkan bantuan yang diterima kepada pekerja yang layak di bawah program ini.

2. Bagi permohonan yang telah diberi kelulusan dan dibuat pembayaran, senarai nama majikan akan dipaparkan di laman web PERKESO untuk tujuan semakan para pekerja dan untuk membolehkan mereka membuat aduan sekiranya tidak berpuas hati terhadap majikan mereka. Sehubungan dengan itu, sekiranya aduan diterima, tindakan yang diambil oleh Kementerian saya melalui PERKESO adalah seperti berikut:

- i. Menyengarai hitamkan majikan terbabit;
- ii. Proses pembayaran untuk bulan berikutnya akan dihentikan;
- iii. Pengesahan aduan dan laporan polis akan dibuat bagi kes penyalahgunaan Program Subsidi Upah.

3. Kementerian melalui PERKESO telah pun menghubungi majikan terbabit dan akan mengambil tindakan susulan atas kesemua majikan tersebut. Majikan yang gagal mematuhi syarat boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.